

## **WAR 37 PENYUSUAN SUSU IBU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**Syamillah Musa, Azimah Mohd Masri, Mohd Norzi Nasir**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

syamillah@kuis.edu.my , azimah@kuis.edu.my , mohdnorzi@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Susu ibu mempunyai banyak khasiat yang boleh membantu dalam tumbesaran anak. Banyak kajian yang telah dijalankan terhadap susu ibu dan membuktikan kelebihan susu ibu tidak terdapat dalam susu formula yang lain. Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk bayi terutama sejak lahir hingga usia enam bulan kerana ia mempengaruhi pembentukan fizikal dan mental bayi. Menurut Islam para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya sehingga berumur dua tahun penuh bagi para ibu yang ingin menyempurnakan penyusuan. Kefahaman mengenai penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam amat penting bagi menggalakkan penyusuan susu ibu. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengulas kepentingan penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam bagi menggalakkan penyusuan susu ibu. Kefahaman mengenai penyusuan susu ibu dikalangan ibu yang menyusukan anak adalah ditahap yang memuaskan. Namun terdapat isu-isu yang masih belum difahami seperti isu konsep ibu susuan dan penyusuan susu ibu bagi ibu yang berkerjaya.

**Kata Kunci:** Penyusuan susu ibu, perspektif, Islam.

### **PENGENALAN**

Susu ibu mempunyai banyak khasiat dan merupakan sumber makanan yang seimbang kepada bayi. Ia terbukti menjamin kesihatan dan tumbesaran mental serta fizikal bayi yang lebih sihat dan sempurna. Banyak kajian yang telah dijalankan terhadap susu ibu dan membuktikan kelebihan susu ibu tidak terdapat dalam susu formula yang lain. Keistimewaan kandungan susu ibu telah diiktiraf dari aspek sains, sosial, ekonomi dan agama. Kandungan zat yang istimewa dalam susu ibu ini menjadikannya sebagai perisai bagi melindungi bayi daripada serangan pelbagai penyakit (Normadiyah Daud et. al., 2015; Normadiyah Daud et. al., 2012; Radzniwan AR et. al., 2009).

Menurut Islam, kepentingan penyusuan susu ibu jelas terbukti melalui firman Allah swt dalam al-Quran dan hadis Rasulullah saw yang menggalakkan para ibu menyusukan anak-anak mereka daripada lahir hingga genap berusia dua tahun. Ini kerana, penyusuan susu ibu dapat memberi kesan yang positif kepada tumbesaran kanak-kanak. Susu ibu merupakan satu sebatian tiada tandingan yang diciptakan oleh Allah demi memenuhi keperluan nutrisi bayi dan melindungi

bayi daripada sebarang jangkitan. Keseimbangan makanan berkhasiat dalam air susu ibu adalah pada kadar yang tepat dan bersesuaian dengan tubuh bayi yang belum matang.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menggalakkan penyusuan susu ibu dan menyarankan penyusuan susu ibu secara eksklusif. Penyusuan susu ibu secara eksklusif bermaksud, bayi hanya diberi susu ibu dalam masa enam bulan pertama selepas kelahirannya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menyarankan bayi harus diberi susu ibu secara eksklusif selama enam bulan yang pertama dan penyusuan susu ibu harus diteruskan beserta dengan makanan pelengkap yang berkhasiat dan selamat diberi kepada bayi sehingga berumur dua tahun atau lebih (WHO 2003; WHO 2009). Ini bermakna dari lahir sehingga berumur enam bulan, bayi harus diberi susu ibu sahaja, tidak perlu air atau susu tambahan dan juga makanan pelengkap (Fatimah et al. 2010).

Ini menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu adalah sangat penting dan istimewa. Oleh itu, kefahaman mengenai penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam amat penting bagi menggalakkan penyusuan susu ibu. Secara umumnya semua penulisan dan kajian di Malaysia ini hanya bertumpu kepada pelaksanaan penyusuan susu ibu menurut Islam secara teorinya sahaja. Kajian juga lebih banyak menjurus kepada pengetahuan ibu mengenai penyusuan susu ibu dan kebaikan susu ibu. Tidak terdapat bukti yang khusus daripada dapatan kajian yang menunjukkan kefahaman seseorang ibu khususnya terhadap konsep penyusuan menurut Islam. Oleh itu, penulis akan membincangkan kefahaman konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam.

## **PENGERTIAN PENYUSUAN**

Pengertian penyusuan susu ibu boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengertian menurut bahasa dan menurut istilah syarak. Menurut bahasa penyusuan berasal daripada perkataan radi'a dan rada'a iaitu penyusuan anak oleh ibunya. Perempuan yang menyusukan anak digelar al-murdi'ah. Manakala anak yang disusui pula digelar al-Radi'. Menurut istilah syarak, terdapat beberapa pandangan daripada tertentu berkenaan beberapa maksud dan takrif penyusuan. Antaranya mazhab Hanafi mentakrifkan penyusuan sebagai meminum susu perempuan-perempuan adam pada waktu tertentu.

Mazhab Maliki pula berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu perempuan sama ada sesudah mati atau perempuan kecil meskipun melalui puting atau alat bantuan makanan atau susu yang bercampuran (dengan syarat hendaklah susu melebihi daripada benda lain) dengan makanan lain dalam tempoh tidak melebihi dua tahun. Mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan kebanyakan umat Islam di Malaysia menyatakan penyusuan ialah sesuatu perkara yang digunakan untuk memasukkan susu perempuan ke dalam hidangan kanak-kanak yang memberi kesan kepada pembesaran.

Seterusnya mazhab Hambali berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu secara semula jadi atau alat bantuan minuman kepada sesiapa yang umurnya tidak melebihi

dua tahun. Berdasarkan maksud dan takrif yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa pengertian penyusuan susu ibu ialah memasukkan susu perempuan ke dalam rongga kanak-kanak yang tidak melebihi usia dua tahun.

Daripada pengertian di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara penting dalam konteks penyusuan iaitu:

- bayi
- ibu yang menyusu
- kaedah penyusuan.

## **KHASIAT SUSU IBU**

Susu merupakan makanan yang berkhasiat yang perlu kepada manusia untuk diberikan kepada bayi yang baru lahir. Susu ibu pula adalah satu kandungan susu yang tinggi nilainya disisi Allah swt dan mengandungi antibodi yang membantu pertahanan imun kepada bayi. Pemberian susu ibu kepada bayi perlu diberi sejak bayi baru saja dilahirkan sehingga dua tahun atau lebih mengikut keperluan bayi.

Sebaik selepas ibu melahirkan anak, susu pertama berwarna kekuningan akan terhasil. Susu ini dinamakan kolostrum. Khasiatnya amat tinggi dimana mengandungi protein tiga kali ganda melebihi susu ibu biasa. Ia juga mengandungi antibodi yang tinggi serta sel darah putih yang berperanan untuk melawan penyakit.

Kolostrum mampu melawan pelbagai jangkitan penyakit seperti cirit-birit, selesema dan radang paru-paru. Malah ia bertindak sebagai imunisasi yang pertama. Para ibu digalakkan kerap memberi susu ibu pada hari-hari pertama kelahiran bagi membekalkan kolostrum secukupnya pada bayi. Terdapat juga ibu yang tidak mahu memberikan susu mereka pada bayi pada waktu ini kerana berpendapat susu belum ada. Kurang kefahaman mengenai kolostrum dikalangan ibu amat merugikan kerana bayi seharusnya mendapat kolostrum sebanyak mungkin pada hari-hari pertama kelahiran.

Susu ibu bersih dan bebas bakteria. Selain itu, ia mengandungi anti infeksi (melawan jangkitan) yang akan membantu menghindarkan bayi daripada pelbagai jenis jangkitan kuman, antaranya termasuklah yang berikut:

- Laktoferin yang akan bergabung dengan zat besi (iron) untuk mencegah peregakan bakteria usus.
- Immunoglobulin (IgA) dan sel darah putih yang bertindak melawan kuman dalam badan. Kandungannya tinggi di dalam kolostrum. Kolostrum merupakan vaksin pertama yang perlu diberikan kepada bayi untuk melawan bakteria dan virus.
- Protein, vitamin A dan E yang berfungsi melindungi bayi daripada jangkitan kuman dan penyakit mata.

- *Bile salt stimulated lipase* yang berfungsi melindungi bayi daripada jangkitan ameba (sejenis bakteria).
- Faktor bifidus yang berfungsi untuk membantu bakteria khas iaitu *lactobacillus* untuk membiak di dalam usus bayi. Dengan adanya bakteria baik ini, bakteria tidak baik (patogenik) akan dihapuskan dan ini dapat menghindarkan bayi daripada mendapat penyakit.
- Limfosit-limfosit dan makrofaj yang membantu melawan kuman yang masuk ke dalam badan bayi.
- Agen anti keradangan yang melindungi bayi daripada mendapat kesan keradangan yang teruk.
- Antibodi ibu boleh diberi kepada bayi melalui penyusuan susu ibu. Kajian yang dijalankan oleh Pusat Kawalan & Pencegahan Penyakit, Amerika Syarikat mendapati, bayi yang menyusu dengan susu ibu akan menerima antibodi daripada ibunya yang akan melindungi bayi daripada jangkitan kuman.
- Mengandungi faktor pembesaran iaitu selenium, karotenoid asli dan nukleotida yang boleh membantu perkembangan dan kematangan sistem imun bayi. Kematangan sistem imun penting supaya badan bayi berupaya untuk melawan penyakit yang menjangkitinya.

Penyusuan susu ibu secara eksklusif juga boleh membantu dalam mengurangkan risiko penyakit alahan seperti lelah (asma) dan ekzema. Risiko penyakit kencing manis atau diabetes semasa remaja dan obesiti juga akan berkurangan pada bayi yang diberikan susu ibu. Selain itu, bahan laktosa yang terdapat dalam susu ibu boleh membantu mencegah penyakit riket, iaitu dengan meningkatkan penyerapan kalsium dan merangsang perkembangan otak bayi.

Bayi yang diberi susu ibu kurang mengalami gejala seperti cirit birit, jangkitan salur usus dan jangkitan salur pernafasan berbanding dengan bayi yang diberi susu formula. Kajian yang dijalankan oleh Pusat Pencegahan Malnutrisi Kanak-Kanak di Brazil, menunjukkan penyusuan susu ibu dapat mengelakkan kematian dan kemudaratan akibat cirit-birit pada bayi. Bayi yang tidak diberi susu ibu mempunyai 25 kali ganda risiko kematian akibat cirit-birit berbanding bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif.

## **DALIL-DALIL AL-QUR'AN TENTANG KEPENTINGAN PENYUSUAN SUSU IBU**

Penyusuan susu ibu adalah amalan yang baik dan amat digalakkan oleh Islam bagi menjamin kesihatan tumbesaran bayi dan pemulihan kesihatan ibu selepas melahirkan bayi. Terdapat dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis yang menyokong dan menggalakkan amalan penyusuan ibu tersebut. Peranan susu ibu dalam proses pembangunan modal insan telah dinyatakan dalam firman Allah swt yang bermaksud:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya...”  
(al-Baqarah: 233).

“Dan Kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungkannya dengan keadaan lemah yang bertambah-tambah dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam usia dua tahun.....”  
(Luqman: 14).

“...kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya)) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya”  
(at-Talaq: 6).

“Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu...”  
(an-Nisa': 23).

Malah Rasulullah saw pernah bersabda:

” Dan tidak ada seorang pun perempuan yang hamil dari suaminya, kecuali ia berada dalam naungan Allah azza wa jalla, sampai ia merasakan sakit kerana melahirkan, dan setiap rasa sakit yang ia rasakan pahalanya seperti memerdekakan seorang hamba yang mukmin. Jika ia telah melahirkan anaknya dan menyusunya, maka tak ada setitis pun air susu yang dihisap oleh anaknya kecuali ia akan menjadi cahaya yang memancar di hadapannya kelak di hari kiamat, yang menakjubkan setiap orang yang melihatnya dari umat terdahulu hingga yang kemudian. Selain itu ia dicatat sebagai seorang yang berpuasa, dan sekiranya puasa itu tanpa berbuka

nescaya pahalanya dicatat seperti pahala puasa dan qiyamullail sepanjang masa. Ketika ia menyapih (cerai susu) anaknya Allah Yang Maha Agung sebutan-Nya berfirman: ‘Wahai perempuan, Aku telah mengampuni dosa-dosamu yang lalu, maka perbaharuilah amalmu.’”

(Mustadrak Al-Wasail 2: bab 47, hlmn 623)

Malah dalam riwayat lain ada diceritakan dengan terperinci bahawa salah satu seksa kubur adalah wanita yang sengaja tidak mahu menyusukan anaknya. Dalam hadis terdahulu ada disebutkan Rasulullah saw bersabda:

“Lalu dia mengajakku pergi dan aku mendapati kaum wanita yang dipikul payudaranya. Aku bertanya, “Ada apa dengan mereka?” Ia menjawab, “Mereka adalah wanita-wanita yang tidak mahu menyusukan anaknya”.

Daripada dalil-dalil di atas jelaslah Islam amat menggalakkan penyusuan susu ibu dan menjadi kewajipan ibu untuk menyusukan bayinya dan menyempurnakan haknya untuk menikmati dan mendapat kebaikan susu ibu, jika dia mampu. Bapa sepatutnya membantu ibu yang sedang menyusukan bayinya dengan menyediakan keperluan ibu untuk menyusu. Ini menunjukkan yang Islam menganggap penyusuan susu ibu itu sebagai kewajipan utama yang ibu patut laksanakan.

Menceraikan susu adalah dibenarkan sebelum tamat tempoh dua tahun dengan bersyarat. Keputusan ini dibuat selepas kedua ibu bapa bersetuju dengan membincangkan kebaikan dan keburukan keputusan yang dibuat serta cara untuk memberi penjagaan yang rapi kepada anak mereka.

Ibu yang tidak berkemampuan dan tidak boleh menyusukan bayinya disebabkan oleh penyakit seperti *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) adalah di galakkan mengupah orang lain untuk menyusukan bayinya. Islam memerintahkan bapa untuk memberi upah kepada ibu yang menyusukan anaknya. Dengan cara ini, Islam memastikan anak itu mendapat segala keperluannya dalam tempoh penyusuan. Namun hari ini dengan wujudnya banyak susu formula iaitu susu lembu yang telah diproses, maka peranan ibu susuan menjadi tidak penting.

Penyusuan susu ibu merupakan salah satu perkara yang sangat penting di dalam fiqh kekeluargaan Islam. Ini kerana, penyusuan susu ibu oleh ibu susuan boleh mensabitkan hubungan nasab seseorang. Ibu yang menjadi ibu susuan kepada seseorang anak, haram berkahwin dengan anak susunya untuk selama-lamanya seperti yang telah dinyatakan dalam surah an-Nisa’ ayat 23.

Terdapat juga ibu yang alpa dengan tanggungjawab mereka dalam melengkapkan bayi dengan keperluan susu badan akibat ghairah dengan kesibukan kerja. Menurut Hapsah Mohd Dusa, et. al., (2002), amalan penyusuan ibu secara eksklusif amat rendah terutamanya di kalangan ibu-ibu yang bekerja. Malah ada ibu yang masih tidak mengetahui khasiat dan keistimewaan susu ibu (Radzniwan A.R. et al., 2009). Keadaan

ini menyebabkan penyusuan susu ibu gagal dilaksanakan oleh para ibu yang sepatutnya menjadi tanggungjawab mereka. Oleh itu, diharapkan penulisan ini dapat memberi kefahaman kepada para ibu untuk melaksanakan tanggungjawab bagi menyusukan anak mereka seperti yang telah disyariatkan oleh Islam.

## **PENYUSUAN HAK ANAK**

Seseorang bayi memerlukan makanan yang diperolehi daripada penyusuan. Penyusuan merupakan hak seorang anak dan sangat dituntut oleh Allah swt ke atas kedua ibu bapanya. Maka menjadi kewajipan ke atas bapanya untuk memberikan nafkah makanan dan pakaian kepada si ibu. Ini kerana melaluinya, bayi akan mendapat sumber makanan secukupnya. Oleh itu, penyusuan merupakan hak seorang bayi sepertimana nafkah menjadi sebahagian hak seseorang dewasa iaitu ibunya. Sesuai dengan firman Allah swt yang bermaksud:

“...dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya...”

(al-Baqarah: 233).

Allah swt telah menyediakan susu ibu sebagai makanan yang mengandungi segala bahan yang diperlukan untuk membesar bagi kanak-kanak sejak dilahirkan. Allah swt juga telah mengurniakan kepada seorang ibu naluri ingin menyusui anaknya serta sifat bersedia untuk menjaga anak-anaknya. Selain itu, ibu juga mempunyai sifat pengasih dan penyayang kepada anak-anaknya. Penyusuan merupakan tuntutan agama ke atas seorang ibu tanpa mengambil kira statusnya samada dia masih seorang isteri atau janda

Manakala, seseorang wanita yang menyusukan bayi tersebut boleh terdiri daripada ibu kandungnya dalam ikatan perkahwinannya atau yang telah diceraikan atau wanita yang bukan ibu kandungnya. Dalam keadaan ibu telah diceraikan dan telah habis iddah sekalipun, ibu tetap diberi keutamaan menyusukan anaknya demi menjaga kepentingan dan kebajikan anak. Ini diperuntukan dalam seksyen 83 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Selangor 2003.

Kaedah penyusuan pula merujuk kepada penyusuan terus daripada payudara wanita yang menyusukan atau apa-apa kaedah lain. Sebagai contoh susu yang diperah kemudian disimpan di dalam botol dan susu tersebut diberikan kepada bayi melalui botol. Jika dilihat pada realiti hari ini *expressed breast milk* (EBM), menepati kaedah penyusuan yang disebutkan oleh para fuqaha.

Terdapat juga para ulama yang bersepakat penyusuan adalah hak ibu. Walau bagaimanapun penyusuan boleh bertukar menjadi wajib sekiranya:

- bayi tersebut tidak dapat menerima susu lain selain daripada susu ibu kerana sakit atau alahan yang tertentu.
- tiada wanita lain yang sanggup menyusukan anaknya pada masa tersebut.
- bapa tidak berkemampuan untuk mengupah wanita lain untuk menyusukannya.

Dalam keadaan seperti yang dinyatakan di atas, bayi berhak mendapat susu daripada ibunya. Sekiranya ibu enggan menunaikan tanggungjawabnya, bermakna ibu telah melanggar amanah serta tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah swt kepadanya (Normadiah Daud et. al., 2012). Terdapat sedikit sahaja perbincangan mengenai hak bapa didalam penyusuan. Seorang bapa lebih banyak dikaitkan sebagai orang yang berkewajipan memberi nafkah atau upah kepada ibu yang menyusukannya. Walaupun terdapat beberapa pendapat mengenai persoalan hak bapa mengikut mazhab, hak sebagai seorang bapa perlulah memberi keizinan kepada isterinya untuk menyusukan anak.

## **KESIMPULAN**

Kebanyakan ayat-ayat al-Quran banyak menceritakan mengenai penyusuan bayi dan sehingga jika ibu tidak mampu menyusukan bayinya sendiri, perlu mengupah seseorang untuk mencukupkan keperluan bayi tersebut. Betapa Allah swt menyuruh kita dan mengagungkan umatnya yang menyusukan sehingga mereka yang menyusukan anak mereka akan mendapat pahala dan anugerah yang tidak terhingga dari Allah swt.

Penyusuan susu ibu mengandungi banyak kelebihan yang tersurat dan juga yang tersirat. Penyusuan susu ibu merupakan salah satu komponen utama dalam pendidikan awal seorang anak. Peranan mendidik anak melalui penyusuan ini, hanyalah dianugerahkan kepada kaum wanita sahaja. Allah swt telah memilih kaum wanita kerana sifat keibuan yang kuat dalam diri mereka. Selain itu, penyusuan susu ibu mampu melengkapi segala keperluan rohani dan jasmani yang diperlukan oleh seseorang bayi.

Secara umumnya para ibu memahami tentang konsep penyusuan susu ibu, namun pelaksanaan penyusuan mengikut tempoh yang disarankan iaitu dua tahun masih belum dapat dilaksanakan oleh para ibu dengan sempurna. Beberapa perkara didalam penyusuan yang masih kurang difahami oleh ibu seperti pensabitan nasab anak susuan dengan ibu susuannya, hak penyusuan anak, penyusuan susu ibu bagi ibu yang berkerjaya, di samping kelebihan dan keistimewaan susu ibu dari aspek kesihatan bayi dan ibu. Kajian mengenai pelaksanaan dan amalan ibu dalam penyusuan mengikut tempoh yang disarankan amat penting bagi memastikan para ibu memahami dan mengamalkan konsep penyusuan menurut perspektif Islam.



## RUJUKAN

### Al-Quran

- Emma Mirza Wati Mohamad (2007). Communication Strategies and Media Role to Promote Successful Breastfeeding. *Malaysian Journal of Communication*, 23: 28-40.
- Hapsah Mohd Dusa, Omar Mihat & Mariam Abd. Manaf (2002). Kajian Pengetahuan, Sikap dan Amalan Berkenaan Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif Di kalangan Ibu-Ibu Hamil yang mendapatkan Pemeriksaan Antenatal Di Klinik Kesihatan Seremban. *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 8: 67-72.
- Normadiyah Daud, Nadhirah Nordin & Mariam Nabilah Mohd Noor (2015). Kefahaman Ahli Akademik IPTA Kuala Terengganu Terhadap Konsep Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10: 1-18.
- Normadiyah Daud, Zuliza Mohd Kusrin, Salasiah Hanin Hamjah & Anwar Fakhri Omar (2012). Penyusuan dan Bank Susu Menurut Islam. *Islamiyyat*, 34: 107-118.
- Penyusuan Anak Satu Hak. Artikel Penuh:  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130220/ke\\_03/Penyusuan-anak-satu-hak#ixzz3s1167WbA](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130220/ke_03/Penyusuan-anak-satu-hak#ixzz3s1167WbA)
- Radzniwan AR, Azimah NM, Zuhra H & Khairani O (2009). Breast Feeding Practice and Knowledge among Mothers Attending an Urban Malaysian Maternal and Child Health Clinic. *Medical & Health*, 4(1): 1-7.